

**AMALAN TERBAIK DI PUSAT MAKLUMAT DAN  
PERPUSTAKAAN (INFOLIB) BERNAMA**

**Hasnita Ibrahim**

Pusat Maklumat & Perpustakaan (InfoLib),  
Bernama

hasnita@bernama.com

\*Kertas ini telah dibentangkan di Sesi Perkongsian Maklumat, Mesyuarat Agung Tahunan, Persatuan Pustakawan Malaysia, 29 April 2013, Putrajaya.

**ABSTRACT**

*InfoLib is a an information centre and library specifically for news. It has been operating since April 1968 and is a part of Bernama which is a national news agency. This article presents an overview of the best practices that are in place at InfoLib.*

**Keywords:** InfoLib; Information centre; Library; Newspaper cuttings collection

**ABSTRAK:**

*InfoLib adalah sebuah pusat maklumat dan perpustakaan. Ianya telah beroperasi sejak April 1968 dan merupakan sebahagian dari Bernama, sebuah agensi berita kebangsaan. Artikel ini menerangkan mengenai pelbagai amalan terbaik yang terdapat di InfoLib.*

**Kata kunci:** InfoLib; Pusat maklumat; Perpustakaan; Koleksi keratan akhbar

**PENGENALAN**

InfoLib merupakan sebuah pusat maklumat dan perpustakaan khusus dalam bidang berita yang mana koleksinya meliputi berita keluaran Bernama, keratan akhbar terbitan tempatan dan maklumat umum berkaitan Malaysia, telah beroperasi sejak April 1968. Objektif utama InfoLib adalah mengumpul, memproses bahan bacaan dan berita serta maklumat agar boleh diakses oleh petugas Bernama dan pelanggan BLIS (*Bernama Library & InfoLink Service*).

*Hasnita Ibrahim*

Amalan terbaik perlu dipraktikkan serta disesuaikan dengan persekitaran organisasi bagi membantu meningkatkan kualiti hasil pekerjaan dan penulisan serta sentiasa relevan.

## **AMALAN TERBAIK**

### **Koleksi**

Keadaan fizikal yang terhad tetapi mempunyai koleksi berita dalam bentuk digital melebihi 4 juta dokumen/artikel yang boleh diakses melalui BLIS termasuk 7,475 biodata tokoh terkenal (modul Who's Who), 3,413 artikel terpilih (modul Databank), 1,254,126 berita Bernama (modul Bernama News) dan 2,926,153 keratan akhbar terbitan tempatan utama (Modul Archival News). Kerja pendigitalan telah bermula sejak Disember 1999 dan aktiviti ini akan diteruskan bagi menyelamatkan khazanah negara dan Bernama. Hits penggunaan maklumat digital ini melalui BLIS adalah sebanyak 405,748 tahun 2012

Pada September 2004, InfoLib telah berjaya menghasilkan CD ROM Tun Dr. Mahathir (9 keping) yang mengandungi artikel berita berkaitan Tun Dr. Mahathir dari tahun 1968 hingga 2004 (122,174 artikel). CD ROM Berita Bernama pula merupakan *Back-up* kepada berita Bernama dari tahun 1996 hingga 2007 yang mengandungi sebanyak 768,750 artikel berita.

### **Portal InfoLib/Blog/FB**

Untuk mendapatkan capaian segera dalam alam siber, InfoLib mempunyai ciri Portal agar pengguna dapat mengakses kepada koleksi bahan bacaan, pangkalan data atas talian dan maklumat mengenai Bernama, blog dan FB sebagai medium sosial. Adalah penting untuk membangunkan dan mengemaskinikan Portal/Blog/FB. Seorang petugas ditugaskan untuk menyelenggara ke tiga-tiga medium ini agar cepat dan sentiasa dikemaskinikan. Sehingga Mac 2013 sebanyak 5,669 foto telah dimuat turun ke dalam FB InfoLib. Bagi 2012 Portal InfoLib merekod 16,961 hits dan 25,981 hits bagi blog InfoLib.

### **Kempen Membaca dan Aktiviti Galakan Penggunaan InfoLib**

Sebagai sebuah perpustakaan khusus yang mana pengguna perpustakaan adalah terdiri daripada petugas organisasi sendiri yang sentiasa sibuk dengan tugas harian maka dari semasa ke semasa perpustakaan perlu memikirkan aktiviti tambahan dan sampingan secara berkala sebagai galakan membaca, meningkatkan aktiviti pinjaman buku dan promosi kepada perkhidmatan InfoLib. Sejajar dengan Kempen Bulan Membaca peringkat kebangsaan ketika itu, bulan Julai merupakan bulan membaca di peringkat Bernama juga semenjak tahun 2001 dan bermula 2009

*Hasnita Ibrahim*

Aktiviti Galakan Penggunaan InfoLib diperkenalkan. Dua aktiviti utama dijalankan setiap tahun iaitu pada awal tahun dan akhir tahun.

Bagi aktiviti yang dijalankan, perancangan awal dilakukan dengan mengadakan perbincangan dengan petugas Unit Rujukan. Di peringkat awal diadakan sesi percambahan idea, diwujudkan senarai semak yang melibatkan promosi, jemputan, jamuan, hadiah, *doorgift*, penyediaan memo kelulusan aktiviti serta perbelanjaan, permohonan keperluan AV/pelbagai, surat jemputan kepada pihak luar jika berkaitan, memo mohon liputan media, pembahagian tugas seperti penyambut tetamu, pengendali majlis, pengendali aktiviti peminjaman buku dan lain-lain pada hari aktiviti tersebut.

Setelah tindakan sewajarnya dijalankan dan mendapat maklum balas terhadap perancangan, satu lagi perbincangan akan diadakan dan kali ini juga melibatkan petugas dari unit lain. Ini akan mewujudkan semangat kerjasama di kalangan petugas dan mereka juga berpeluang menjadi sebahagian daripada menjayakan aktiviti InfoLib. Sehari sebelum aktiviti gotong royong untuk menyiapkan tempat akan dijalankan dan persiapan terakhir dilakukan seperti menyediakan hiasan, borang, hadiah yang dilabel, *doorgift* dan seumpamanya.

Tema diwujudkan agar aktiviti yang dianjurkan adalah lebih menarik, fokus dan terancang seperti permainan *Snakes & Ladders*, minuman dan produk F & N (sempena pelancaran Café Corner), menjemput beberapa penulis buku, keahlian U-Pustaka, *Happy Birthday* Bernama, Kenali Setem, Mesra Pelanggan dan lain-lain.

Di antara aktiviti yang pernah berlangsung meliputi pertandingan kuiz, permainan, peminjam terbanyak tahunan, peminjam buku bertuah, sesi lawatan, teka jumlah bahan, *Bernama Mini Book Fair*, *Merdeka Book Fair* dan jualan buku dengan menjemput pembekal. Aktiviti dijalankan bercorak santai dan cuma dengan cara menarik minat pengguna datang ke InfoLib di samping meminjam buku. Semasa setiap aktiviti seorang petugas InfoLib ditugaskan hanya fokus mengambil foto untuk aktiviti tersebut. Semasa aktiviti berlangsung, sebanyak tiga hingga lima keping foto akan dimasukkan ke dalam FB dan dalam tempoh dua hari perlu dimasukkan ke dalam Portal/blog dan FB InfoLib.

Setelah semuanya selesai, pada keesokan harinya *InfoLibteam* akan minum pagi bersama-sama sambil mendengar maklum balas aktiviti dan mengenalpasti apa perkara yang boleh diperbaiki.

**Hasnita Ibrahim**

Nama acara dan permainan perlu kreatif dan *catchy* agar dapat memberi tarikan dan digalakkan berasaskan dengan perpustakaan sendiri. Bagi aktiviti satu hari ini minima pinjaman adalah 150 buah buku, pinjaman bertuah ataupun kuiz peminjam bertuah diadakan yang mana minima 3 buah buku akan dipinjam oleh pengunjung. Acara kemuncak adalah aktiviti penyampaian hadiah yang menjemput pegawai-pegawai kanan dan para petugas Bernama yang menyertai pelbagai pertandingan dan kuiz yang dianjurkan.

Yang pasti, pihak Infolib perlu aktif, kreatif, produktif dan proaktif dengan penganjuran aktiviti agar ia terus relevan. *Thinking beyond the box* untuk menganjurkan aktiviti adalah perlu bukan hanya terhad kepada tugas asas sahaja di perpustakaan. Kepelbagaian jenis aktiviti perlu terus mencuba, digugurkan mana yang tidak sesuai, diulangi aktiviti yang sesuai dan mendapat sambutan, ditambah kelainan pada setiap aktiviti agar pengguna akan teruja untuk melihat kelainan dalam setiap aktiviti yang dianjurkan.

Walaupun mula-mula agak pelik melakukan sesuatu aktiviti seperti terpaksa pinjam minima tiga buah buku bila hadir aktiviti tetapi akhirnya menjadi satu kebiasaan yang mana peranan pengacara majlis untuk mempromosi pinjaman. Dengan pelbagai aktiviti maka jumlah pinjaman buku meningkat, 339 (2001), 1,396 (2002), 540 (2003), 819 (2004), 1,460 (2005), 2,402 (2006), 3,408 (2007), 1,864 (2008), 2,635 (2009), 2,582 (2010), 2,993 (2011), 3,405 (2012) dan merupakan pencapaian tertinggi bagi tahun lepas.

### **Perkhidmatan Troli Bergerak**

Perkhidmatan troli bergerak dengan buku terpilih dan terkini yang dibawa ke Jabatan Pengarang dan tingkat terpilih di Bernama, pada setiap Khamis bermula 3.00 petang dikenali sebagai *Le Tour de InfoLib*. Perkhidmatan yang dilancarkan pada 2 Mac 2006 membantu petugas Bernama terutama petugas Jabatan Pengarang untuk membuat pinjaman bahan dan menyediakan kotak *book-drop* bagi memulangkan bahan.

Aktiviti ini berjaya membantu peningkatan statistik pinjaman dimana 38 kali, 847 pinjaman (2006), 39 kali, 956 pinjaman (2007), 35 kali, 721 pinjaman (2008), 38 kali, 753 pinjaman (2009), 21 kali, 477 pinjaman (2010), 31 kali, 931 pinjaman (2011) dan 31 kali, 700 pinjaman (2012). Setiap kali menolak troli, minima 25 buah buku perlu di pinjam. Sekali-sekala acara memilih peminjam bertuah diadakan di kalangan peminjam petang tersebut sebagai motivasi untuk membuat pinjaman dan ini terbukti berkesan.

### **Koleksi Bacaan Ringan**

InfoLib membuat pinjaman buku dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) melalui skim Pinjaman Buku Berkelompok semenjak tahun 2001. Pinjaman bahan bacaan ringan dan santai seperti novel, cerpen, buku mengenai hobi, sukan, masakan dan lain-lain bertujuan menambahkan kepelbagaian koleksi bahan bacaan di InfoLib dan mengurangkan tekanan di kalangan petugas dalam tugas mereka dan untuk memenuhi keperluan petugas selain dari Jabatan Pengarang. Selain itu ruangan fizikal di InfoLib yang terhad dan tertumpu kepada pembelian buku yang melibatkan bidang kewartawanan dan media massa. Statistik pinjaman semakin meningkat dengan adanya perkhidmatan ini daripada hanya 339 pinjaman pada tahun 2001 sehingga mencecah 3,405 pinjaman pada tahun 2012.

### **Literasi Maklumat**

InfoLib menjalankan latihan BLIS dan Portal InfoLib kepada petugas baru Bernama dan latihan berterusan kepada pengguna InfoLib bermula 19 Februari 2009. Latihan bertempat di Tingkat 12, Pusat Kecemerlangan setiap hari Khamis, dua kali sebulan yang mana kami telah memilih peserta bagi memastikan semua petugas Bernama akan menghadiri latihan ini untuk kegunaan kerja dan meningkatkan ilmu pengetahuan umum dan perkhidmatan InfoLib. Bagi 2009 terdapat 16 siri/147 peserta; 2010 terdapat 14 siri/112 peserta; 2011 terdapat 15 siri/122 peserta; dan 2012 terdapat 15 siri/169 peserta.

Modul latihan disediakan dan kuiz selingan serta kuiz di akhir latihan bagi memastikan peserta faham apa yang dipelajari dan hadiah turut disediakan. Latihan di adakan dalam keadaan ceria dengan bantuan tiga hingga lima orang pembantu pengajar bagi memastikan latihan berjalan lancar dan mencapai matlamat. Semua petugas InfoLib terlibat dan dimestikan membantu menjalankan latihan minima 9 kali setahun bagi petugas Unit Rujukan dan minima 4 kali bagi petugas dari unit lain. Ini perlu dilakukan agar petugas InfoLib juga sentiasa mahir dalam penggunaan perkhidmatan atas talian InfoLib dan membina kerjasama dengan pengguna InfoLib.

### **Hotline 202**

Nombor 202 adalah nombor sambungan bagi kiosk rujukan di InfoLib. *Hotline 202* bertujuan membantu para petugas terutamanya dari Jabatan Pengarang untuk mendapatkan maklumat dengan kadar segera dari jam 8.30 pagi hingga 6.00 petang pada hari bekerja (Isnin - Jumaat). Semasa pelancarannya pada 28 Februari 2007, no *Hotline* tersebut ditampal di setiap terminal di Jabatan Pengarang.

*Hasnita Ibrahim*

### **Kemudahan Sirkulasi E-Mel**

Untuk mempromosi aktiviti, perkhidmatan/maklumat terkini dan sebarang pengumuman adalah lebih berkesan dan cepat, InfoLib mendapat sendiri kemudahan untuk e-mel kepada semua petugas Bernama secara berkumpulan – infolib@bernama.com. Kemudahan ini telah mendapat kelulusan Pengurus Besar pada Mac 2011. InfoLib juga melalui kumpulan infolibteam@bernama untuk berkomunikasi melalui e-mel di kalangan petugas sendiri untuk sebarang pengumuman dan pemberitahuan.

### **Lawatan ke Pesta Buku**

Sejak 2005, InfoLib telah menganjurkan sebanyak 8 kali lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa KL di PWTC. Lawatan ini bertujuan menggalakkan tabiat membaca di kalangan petugas Bernama. Di samping itu juga, aktiviti ini membolehkan petugas Unit Rujukan membuat pemilihan bahan bacaan bagi menambah koleksi InfoLib. Semenjak tahun 2012, lawatan juga dianjurkan ke Pesta Buku *Big Bad Wolf*.

### **Kelab Kanak-Kanak**

BK1MC (Bernama Kids' 1Malaysia Club) yang dilancarkan pada 31 Julai 2010 merupakan salah satu tanggungjawab sosial Bernama yang ahlinya terdiri daripada anak petugas Bernama berumur 4 hingga 17 tahun. Jawatankuasa induk terdiri dari pegawai kanan Bernama serta wakil kelab/Puspanita di Bernama dan InfoLib sebagai Penyelaras. Pelbagai aktiviti telah dianjurkan seperti Aktiviti Galakan Penggunaan InfoLib, lawatan, bengkel, berbuka puasa iaitu 8 aktiviti (2011) dan 9 aktiviti (2012).

### **Sudut Kafetaria**

*Cafe Corner* telah dilancarkan di InfoLib pada 21 April 2011 yang merupakan sudut minuman dan makanan ringan yang direka bentuk sendiri oleh petugas InfoLib bagi menarik pengguna membaca sambil bersantai. Pendekatan untuk menjual pelbagai makanan berjaya menarik minat pengunjung. Minima 3 aktiviti dijalankan setiap tahun selama separuh hari yang mana minima 100 buku telah dipinjam serta aktiviti sampingan seperti demonstrasi masakan sihat, pertandingan seperti *watermelon wars* dan *sandwich wars*. Hasil jualan dimasukkan ke dalam tabung InfoLib dan kemudian juga digunakan semula untuk aktiviti InfoLib yang lain.

### **Terbitan Dalaman**

Buletin InfoLib iaitu *InfoLib Alert* mula diterbitkan untuk keluaran pertama pada April 2003 dan sehingga 2013 sebanyak 30 telah dihasilkan. Setiap tahun, tiga keluaran diterbitkan bertujuan melaporkan aktiviti InfoLib, mempromosikan aktiviti yang bakal dilaksanakan, mempromosi serta memaklumkan pembaca mengenai koleksi terbaru InfoLib, memaparkan maklumat terkini yang terkandung di dalam modul BLIS dan maklumat dan ilmu pengetahuan umum. Semua yang dikongsi dalam artikel telah dilaporkan dan boleh diakses melalui <http://infolib.bernama.com> - INFOLIB ALERT.

Risalah mengenai InfoLib juga diterbitkan untuk mempromosi penggunaan InfoLib, BLIS dan Portal InfoLib serta perkhidmatan yang lain untuk diedarkan kepada pengguna InfoLib dan pengunjung. Bagi sebarang pengumuman/hebahan/promosi, poster yang menarik dan informatif perlu diedarkan melalui e-mel dan ditampal di setiap tingkat untuk mempromosi aktiviti dan sebarang pengumuman. Ini merupakan satu iklan yang baik untuk hebahan.

Cenderamata dan penanda buku disediakan dengan kreativiti sendiri telah berjaya menarik pengguna untuk menyertai sebarang aktiviti anjuran InfoLib dan untuk mempromosi aktiviti InfoLib.

### ***Friendly InfoLib Card***

Aktiviti ini telah dilancarkan pada 26 April 2006 bertujuan menggalakkan warga Bernama berkunjung dan meminjam bahan bacaan di InfoLib. *Friendly InfoLib Card* ini mempunyai 12 kolom untuk di cop *smiley faces* bagi pinjaman 12 buku dan tempoh jarak pinjaman adalah minima seminggu. Setelah tamat mereka boleh menuntut hadiah. Pengguna yang pertama menuntut hadiah adalah pada 19 Julai 2006. Tempoh April 2006 hingga Jun 2007, sebanyak 67 hadiah telah dituntut bererti 804 buah buku telah dipinjam melalui aktiviti galakan ini.

### **Hiasan/Pameran**

Pasukan InfoLib menyumbang ide dan berusaha dari semasa ke semasa dan dalam tempoh tertentu untuk mencari tema bagi mengubah suasana persekitaran untuk menarik pengunjung, dapat menggalakkan pengguna mencari bahan maklumat dengan lebih efektif, tidak bosan ke InfoLib, mewujudkan rasa seronok pengguna InfoLib dengan kelainan dari semasa ke semasa seperti *Garden of Information*, *Smiley Faces*, *Treasure of InfoLib*, *Snakes & Ladders* dan dari masa ke masa mengikut keperluan diadakan pameran mengikut perayaan dan jika berlaku majlis tertentu di Bernama ataupun peristiwa utama di Malaysia.

*Hasnita Ibrahim*

### **Penghasilan Penulisan/Pembentangan Kertas Kerja**

Penulisan lebih tujuh tajuk mengenai InfoLib / BLIS / tugas pendigitalan berita dan maklumat/pemasaran produk/aktiviti galakan telah dihasilkan agar dapat dijadikan bahan rujukan serta panduan kepada petugas InfoLib dan mereka yang memerlukan serta kaedah mempromosi BLIS serta berkongsi pengalaman dalam bidang kepustakawanan di luar InfoLib.

### **Penglibatan Dengan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)**

Bagi membina kerjasama dengan perpustakaan lain di Malaysia, menambah pengetahuan, pendedahan dan peluang mengikuti aktiviti dalam bidang kepustakawanan maka petugas InfoLib terlibat dengan PPM dan memainkan peranan dalam Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus dan Ahli Majlis PPM. Terlibat aktif dengan penganjuran persidangan, seminar, bengkel, lawatan dan pelbagai yang melibatkan bidang kepustakawanan. InfoLib juga pernah memenangi Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM 2009 kategori perpustakaan kecil.

### **Penglibatan dengan Majlis/Acara Bernama dan lain-lain**

Petugas InfoLib menyertai dan menyumbang aktif kepada pelbagai aktiviti dan diberi kepercayaan menyelenggarakan aktiviti anjuran Bernama/KPKK/pihak luar. Ini merupakan satu pendedahan, meningkatkan keyakinan diri serta pengetahuan petugas InfoLib dengan itu mereka dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik. Penyertaan ini juga dapat membina kerjasama dengan petugas Bernama yang lain agar mereka lebih memahami peranan InfoLib dan mudah jika memerlukan bantuan di antara satu sama lain.

### **Jamuan Hujung Tahun/Ucapan**

Jamuan hujung tahun biasanya diadakan sempena sambutan Hari Raya dan sebagai jamuan untuk pengguna InfoLib sebagai tanda terima kasih atas sokongan yang diberikan dan sebagai promosi kepada InfoLib. Semasa perayaan pula InfoLib akan menghantar poster ucapan kepada pengguna InfoLib.

### **Pengekalan Kualiti**

Kalendar tahunan disediakan pada setiap hujung tahun agar perancangan awal boleh dilakukan dan petugas InfoLib juga mengetahui mengenai program tersebut. Terdapat 2 dokumen ISO berserta Arahan Kerja. Setiap petugas mempunyai Fail Meja (FM) sebagai panduan tugas harian dan tugas yang lebih sistematik dan mudah jika berlaku pertukaran petugas. Setiap tugas telah diwujudkan Arahan Kerja secara terperinci. Garispanduan yang berkaitan dengan tugas juga



*Hasnita Ibrahim*

dihasilkan agar kualiti produk dipelihara dan maklumat/data yang direkod adalah seragam.

Bagi mendapat pengiktirafan terhadap produk Bernama, kejayaan bermakna Kumpulan ICC Bernama (melibatkan tujuh petugas InfoLib) iaitu Whopedia yang mempersembahkan produk BLIS telah mendapat johan dalam Konvensyen ICC Perpustakaan SeMalaysia 2011 mdi Langkawi; mendapat Anugerah Emas semasa Konvensyen ICC dan QE, Wilayah Tengah; dan mendapat tiga bintang dan Anugerah Sepuluh Kumpulan Terbaik daripada 36 kumpulan bagi Kategori Sektor Awam semasa Konvensyen ICC Kebangsaan 2011 anjuran MPC.

InfoLib terlibat dengan pameran sempena Hari Q (Kualiti)/Hari Inovasi anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). InfoLib telah memenangi Anugerah "Penggunaan ICT" (2006), "Bahagian Terbaik" (2007), "Petugas Cemerlang Kumpulan (II) - Halim Ariffin" (2008) dan "Keceriaan Pejabat - naib juara" (2012).

Penghasilan statistik pencapaian perkhidmatan dan koleksi secara bulanan adalah penting sebagai kayu pengukur kepada perkhidmatan serta langkah penambahbaikan perkhidmatan InfoLib, penyediaan laporan, justifikasi kepada permohonan peruntukan bahan/aktiviti dan ditampal di perpustakaan sebagai testimoni kepada pengguna.

Untuk penghasilan pelbagai aktiviti dan dapat bekerja dalam satu pasukan, pembahagian tugas telah ditetapkan pada setiap hujung tahun. Mengadakan jamuan jika terdapat berita gembira untuk dikongsi dan mengamalkan minum pagi bersama-sama secara bulanan, jamuan sebelum berpuasa dan menganjurkan aktiviti bersama agar dapat mengeratkan kerjasama di antara satu sama lain. Gotong royong mengemas ruang kerja diadakan dari semasa ke semasa agar memastikan suasana kerja selesa dan tidak berserabut. Setiap bulan laporan ringkas mengenai aktiviti mengenai InfoLib akan disediakan untuk dilaporkan semasa mesyuarat pengurusan Bernama dan laporan tahunan.

Petugas InfoLib digalakkan untuk menghadiri latihan dan pendedahan mengenai tugas, bidang kepustakawanan, pentadbiran dan kemahiran ICT. Secara minima, seorang petugas perlu menghadiri tujuh hari latihan sepanjang tahun. Menerima lawatan dari organisasi kerajaan dan swasta dari semasa ke semasa juga merupakan aktiviti penting di sini. Kesempatan ini diambil untuk memperkenalkan InfoLib dan mempromosi BLIS serta bertukar pendapat, berkongsi pengalaman serta melihat

*Hasnita Ibrahim*

kejayaan perpustakaan lain. Lawatan bagi petugas InfoLib juga perlu agar dapat memberi pendedahan tentang persekitaran kerja dan amalan yang baik perpustakaan lain di Malaysia dan mengadaptasi amalan terbaik perpustakaan lain yang bersesuaian dengan perpustakaan sendiri bagi mencapai kecemerlangan.

### **PENUTUP**

Amalan terbaik boleh menghasilkan kejayaan kepada sesebuah perpustakaan berkaitan rapat dengan pengetahuan, kemahiran, kreatif, kerjasama, usaha, perancangan/pengurusan baik/teliti, sikap, serta amalan positif yang lain. Walaupun usaha dijalankan nampak kecil tetapi impak jangka panjang dapat dirasakan. Setiap yang kita lakukan nampak hasil amalan baiknya dengan peningkatan statistik dan kejayaan perpustakaan kita. Wujudkan target dalam yang dilakukan oleh itu, kita akan berusaha mencapainya. Walaupun tidak mempunyai peruntukan yang besar, sesuatu aktiviti itu tetap boleh diadakan dengan berfikiran kreatif dan menggunakan sumber/kemudahan yang sedia ada. Oleh itu tentukan aktiviti berskala kecil atau besar.

Setiap kejayaan di perpustakaan boleh meningkatkan keyakinan pihak pengurusan untuk memberi dan menambah peruntukan untuk sentiasa menjadikan perpustakaan kita terus maju dan sekaligus perkhidmatan dapat dipertingkatkan dan dapat menyumbang semula kepada organisasi.

### **RUJUKAN**

Bernama. Pusat Maklumat dan Perpustakaan (InfoLib). 2014. *Portal Pusat Maklumat & Perpustakaan (InfoLib)*. Retrieved from: <http://infolib.bernama.com>

Bernama. Pusat Maklumat dan Perpustakaan (InfoLib). 2009. *Laporan Anugerah Perpustakaan Cemerlang Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)*. Kuala Lumpur: PPM.

Hasnita Ibrahim. 2008. Encouraging users at Bernama Library & Information Centre via organized activities. *Conference on Customer-Focused Culture 2008*, Johor Bahru: UTM.

Hasnita Ibrahim. 2011. Aktiviti galakan membaca dan penggunaan perpustakaan di Pusat Maklumat & Perpustakaan (Infolib) Bernama. *Bengkel Program Galakan Membaca*. Kuala Lumpur: Persatuan Pustakawan Malaysia dan Perpustakaan IDFR.